



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) MAJLIS SOSIAL
(KENDURI/ MAJLIS PERKAHWINAN/ PERTUNANGAN/
LAIN-LAIN MAJLIS SOSIAL) SEMASA TEMPOH KAWALAN
PERGERAKAN PEMULIHAN**

Putrajaya, 29 Jun 2020 - Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Majlis Sosial seperti Majlis Perkahwinan, Kenduri, Pertunangan, dan lain-lain Majlis Sosial telah **diluluskan dalam Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan** pada 22 Jun 2020.

2. SOP ini juga terpakai untuk penganjuran kenduri atau majlis perkahwinan atau lain-lain majlis sosial di rumah ibadat bukan Islam. SOP ini merangkumi perkara-perkara penting di dalam menjalankan majlis sosial seperti **had kapasiti kehadiran adalah seramai 250 orang atau kurang mengikut saiz ruang majlis dengan penjarakan sosial dan tertakluk dengan tempoh penganjuran selama 3 hingga 5 jam.**

3. Antara isi kandungan lain SOP ini adalah seperti berikut:

- i. Majlis tidak dibenarkan sekiranya penganjur **sukar untuk mengawal keadaan dan perilaku tetamu.**
- ii. Hidangan makanan dalam **bentuk buffet atau layan diri adalah tidak dibenarkan.**



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

- iii. Penganjur perlu memastikan **tetamu makan dalam kedudukan penjarakan sosial dan tidak berkumpul semasa makan.**
- iv. Tetamu adalah **dilarang berkumpul atau berhimpun** di luar ruang majlis sebelum atau selepas selesai majlis

Kementerian Perpaduan Negara

29 Jun 2020

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8041

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 (13)